

# **MASJID AL-HARAM DAN PERANANNYA DALAM PERKEMBANGAN AWAL PENDIDIKAN DAN INTELEKTUALISME MASYARAKAT MELAYU**

Oleh:  
**Mohammad Redzuan Othman**

## **Abstract**

*The article portrays the relation between Malaya and Masjid al-Haram in Makkah in term of the development of Malay Muslim's intelectuals and education. Historically, it has been proven that the establishment of pondok system and then madrasah was the direct impact of Malay Muslim. Ulama who had studied mostly in Masjid al-Haram such as Tok Kenali who has established the first pondok in Kelantan. Those who attended pondok's education in Malaya at last wil pursue their ḥalaqah study at Masjid al-Haram. Therefore this article attempts to indicate directly the role played by Masjid al-Haram to the development of Malay intelectualism and education.*

Sejak menjadi sebahagian daripada umat Islam, Hijaz menjadi destinasi penting orang Melayu bagi mendalami pengetahuan agama sebagai melengkapkan lagi ilmu yang telah diperolehi dari institusi pengajian pondok di tanah air. Malahan sudah menjadi amalan biasa bagi ibu bapa yang agak kuat pegangan agamanya dan mempunyai kemampuan, terutamanya di negeri-negeri Utara dan Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu di mana pendidikan agamanya agak meluas berkembang, menghantar anak-anak lelaki mereka yang berusia belasan tahun ke Makkah bagi mendalami ilmu agama dan menunaikan ibadah Haji.<sup>1</sup>

Dalam masyarakat Melayu tradisional, gelaran Haji setelah menunaikan ibadah tersebut di Tanah Suci mempunyai makna yang tersendiri dalam menentukan kewarakan dan kedalaman pengetahuan agama seseorang individu. Pengiktirafan yang diberikan membolehkan seorang yang bergelar Haji dan mempunyai pengetahuan agama memainkan peranan penting dalam mendidik masyarakat dan perkembangan pendidikan agama masyarakat Melayu. Dalam masyarakat Melayu tradisional, bentuk pendidikan yang wujud ialah yang berasaskan pengajian al-Qur'an. Dari segi sejarah, pendidikan ini penting kerana telah meletakkan asas kepada perkembangan pendidikan

---

<sup>1</sup> Shafie Abu Bakar, "Ke Arah Pembaikan dan Pengembangan Sistem Pendidikan Pondok di Malaysia", *Pendidikan Islam*, No. 2, Oktober 1984, him. 30.

orang Melayu. Asas yang dibentuk ini memudahkan perkembangan pendidikan vernakular apabila ia diperkenalkan oleh British bagi memberikan pendidikan kepada masyarakat Melayu.<sup>2</sup>

Walau bagaimanapun, pendidikan yang diberikan oleh pengajian al-Qur'an dan sekolah vernakular merupakan pendidikan asas dan peluang bagi mereka yang ingin meneruskan pengajian yang hanya terdapat di luar negeri. Sebelum Universiti al-Azhar di Kaherah berjaya menarik ramai pelajar Melayu menuntut di sana pada pertengahan tahun 1920-an, pusat pendidikan yang menjadi tumpuan orang Melayu ialah di Masjid al-Haram Makkah. Sudah menjadi kelaziman bagi orang Melayu, terutamanya para belia pergi ke Makkah menunaikan ibadah haji, tinggal di Tanah Suci selama beberapa tahun dan malahan ada yang tinggal di sana selama berbelas-belas tahun belajar di Masjid al-Haram untuk melengkap diri dengan ilmu agama bagi membolehkan mereka menjadi seorang ulama.

Walaupun dipercayai bahawa orang Melayu telah pergi ke Makkah menuntut ilmu agama sejak mereka beragama Islam, namun agak sukar untuk ditentukan siapakah yang paling awal berbuat demikian. Rekod-rekod yang ada menunjukkan hanya pada akhir abad ke-17 seorang anak tempatan iaitu Shaykh 'Abdul Malik 'Abdullah dari Terengganu (1650-1736) diketahui telah pergi ke Makkah bagi menuntut ilmu agama. Beliau menuntut di Makkah selama dua belas tahun setelah menerima pendidikan awal di Aceh dengan berguru kepada seorang ulama yang terkenal iaitu 'Abdul Ra'uf Singkel. Ketika berada di Makkah Shaykh 'Abdul Malik juga turut berguru kepada seorang ulama Madinah yang disegani iaitu Ibrāhim al-Kurani.<sup>3</sup>

Walaupun orang Melayu telah pergi ke Hijaz sejak beberapa abad yang lalu, namun hanya pada akhir abad yang ke-19 dan awal abad ke-20 sahaja jumlah mereka yang pergi ke sana untuk mendalami ilmu agama memperlihatkan peningkatan jumlah yang agak ramai.<sup>4</sup> Pada ketika itu Hijaz juga muncul sebagai pusat pendidikan agama

<sup>2</sup> C.D. Chelliah, *A History of Educational Policy of the Straits Settlements*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1947, hlm. 63. Lihat juga H.R. Cheeseman, "Education in Malaya 1900-1940", *The Malayan Historical Journal*, Vol. 2, No. 1, July 1955, hlm. 31; Mat Noor bin Hashim, "A Malay Child in a Religious School", *Initisari*, Vol. II, No. 1, t.t., hlm. 12-13.

<sup>3</sup> Shafie Abu Bakar, "Sheikh Abdul Malik bin Abdullah (Tuk Pulau Manis)", *Warisan*, No. 5, 1989, hlm. 15-16.

<sup>4</sup> Sebab yang sering diberikan kenapa berlakunya pertambahan pesat ini ialah pengangkutan yang semakin mudah untuk sampai ke Hijaz dan peningkatan keperluan guru-guru agama berikutan pembukaan banyak sekolah pondok di Tanah Melayu.

## Masjid al-Haram dan Peranannya Dalam Perkembangan Intelektualisme Masyarakat Melayu

yang penting dengan bermastautinnya beberapa orang ulama dari Alam Melayu yang bukan sahaja mengajar di Masjid al-Haram, malahan menghasilkan buku-buku agama yang menjadi rujukan. Antara ulama terkenal yang mengajar di Masjid al-Haram dari akhir abad ke-18 hingga pertengahan abad ke-19 dan menghasilkan banyak buku agama termasuklah ‘Abdul Malik Abdullah, Muhammad Arshād al-Banjārī, Nawawi al-Bantānī dan Daud al-Fatānī.<sup>5</sup> Kemasyhuran tentang keilmuan ulama-ulama ini tidak terbatas kepada masyarakat Melayu sahaja tetapi turut tersebar di kalangan masyarakat Arab. Seorang ulama iaitu Shaykh Nawawi al-Bantānī pernah diberikan gelaran sebagai Sayyid Ulamā’ al-Hijāz kerana tulisannya dan keilmuannya. Di samping ketinggian ilmunya, gelaran ini juga diberikan kepada Shaykh Nawawi kerana kemahiran dan kewibawaanya dalam ilmu agama ketika berdiskusi dengan shaykh-shaykh di Universiti al-Azhar.<sup>6</sup>

Kecemerlangan dan kemasyhuran ulama-ulama ini diteruskan oleh beberapa orang ulama dari Alam Melayu yang lain. Salah seorang ulama yang terkenal di Makkah pada akhir abad yang ke-19 dan awal abad ke-20 dan amat mempengaruhi pemikiran pelajar-pelajar Melayu yang belajar di Masjid al-Haram ialah Shaykh Ahmad Khatīb bin ‘Abdul Latīf al-Minangkabawī. Beliau merupakan seorang ulama islah yang berasal dari Minangkabau dan merupakan ulama pertama bukan daripada kalangan orang Arab yang dilantik menjadi salah seorang iman besar Masjid al-Haram oleh Sharif Makkah bagi mewakili umat Islam yang bermazhab Shafi’i.<sup>7</sup> Bekas pelajar Shaykh Ahmad Khatīb bertebaran di seluruh Alam Melayu. Ramai di kalangan bekas

---

<sup>5</sup> Md. Sidin Ahmad Ishak, “Malay Book Publishing and Printing in Malaya and Singapore 1807-1949,” Tesis Ph.D., University of Stirling, 1992, hlm. 107.

<sup>6</sup> A.H. Johns, “From Coastal Settlement to Islamic Schools and City: Islamization in Sumatra, the Malay Peninsula and Java”, *Hamdard Islamicus*, Vol. 1V, No. 4, 1981, hlm. 20-21.

<sup>7</sup> Shaykh Ahmad Khatīb bin ‘Abdul Latīf al-Minangkabawī dilahirkan di Kota Gedang, berhampiran Bukit Tinggi, Sumatra pada tahun 1860. Beliau pergi ke Makkah pada tahun 1871 dan pada tahun 1878 berkahwin dengan anak perempuan seorang saudagar Kurdi yang kaya. Shaykh Ahmad Khatīb menulis sebanyak empat puluh buah buku yang sebahagian besarnya dicetak di Makkah atau Kaherah. Shaykh Ahmad Khatīb terus tinggal di Tanah Suci sehingga ke akhir hayatnya. Beliau meninggal dunia pada tahun 1916. Lihat HAMKA, *Ajahku. Riwayat Hidup Dr. H. Abd. Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Agama Di Sumatera* (Cetakan ke-3), Djakarta: Penerbitan Djajamurni: 1967, hlm. 230-232; Deliar Noer, *The Modernist Muslim Movement in Indonesia, 1900-1942*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1973, hlm. 31-33; Abu Bakar Hamzah, “Shaikh Tahir Jalaluddin”, *Medium*, Jilid 1, No. 1, September 1988, hlm. 88-89.

pelajarnya ini merupakan pengikut setia kepada pemikirannya, walaupun terdapat di kalangan mereka yang tidak terpengaruh dengan idea *islāh*nya.<sup>8</sup>

Seorang lagi ulama dari Alam Melayu yang amat dihormati di Makkah pada waktu yang sama ialah Shaykh Wan Ahmad bin Muhammad Zain Mustafā al-Fatāñī.<sup>9</sup> Salah seorang pelajarnya yang awal telah muncul sebagai seorang ulama terkenal di Kelantan ialah Tuan Tabal.<sup>10</sup> Seorang lagi bekas pelajarnya yang amat terpengaruh dengan pemikirannya ialah Tok Kenali.<sup>11</sup> Shaykh Wan Ahmad adalah seorang penulis

<sup>8</sup> Salah seorang bekas pelajar Shaykh Khātib di Tanah Melayu ialah Haji Mohd. Noor, bapa kepada pemimpin politik Islam iaitu Burhanuddin al-Helmi. Antara bekas pelajarnya yang tidak mendukung idea *islāh*nya ialah Haji Abdul Latiff Tambi iaitu seorang tokoh Kaum Tua yang terkenal di Melaka. Rakan seangkatan Haji Abdul Latiff ketika belajar di Makkah termasuklah Haji Abdul Karim Amrullah, seorang tokoh islah yang terkenal di Sumatra. Seorang lagi bekas pelajarnya yang tidak mendukung pendekatan anti tariqat yang diperjuangkan oleh Shaykh Ahmad Khātib ialah Haji Muhammad Sa'id bin Jamaluddin ketua Tariqah Ahmadiyah di Negeri Sembilan.

<sup>9</sup> Shaykh Wan Ahmad Zain dilahirkan pada tahun 1856 di Kampung Sena Janjar, Patani, Selatan Thailand. Beliau mendapat pendidikan awal daripada bapanya yang mendapat pendidikan di Makkah ketika belajar di Pondok Bendang Daya. Pondok ini merupakan salah sebuah sekolah pondok yang terbesar di Asia Tenggara. Setelah menamatkan pengajiannya di sini, beliau kemudiannya melanjutkan pengajian di Makkah. Di samping belajar di Masjid al-Haram Shaykh Wan Ahmad Zain juga turut menuntut ilmu agama di bawah beberapa orang ulama terkenal di Bait al-Maqdis dan Universiti al-Azhar, Kaherah. Menjelang akhir tahun 1870-an beliau berjaya muncul sebagai salah seorang ulama yang amat disegani yang mengajar di Masjid al-Haram. Kemasyhuran dan keilmuannya berjaya menarik ramai pelajar Melayu menjadi muridnya. Ramai di kalangan bekas anak muridnya berjaya menjadi ulama yang dihormati apabila kembali ke tanahair setelah menamatkan pengajian masing. Shaykh Wan Ahmad Zain meninggal dunia pada 14 Januari 1908 di Mina. Untuk keterangan lanjut tentang sejarah hidup, hasil tulisannya dan juga bekas pelajarnya, lihat, H.W.M. Saghir Abdullah, *Fatwa Tentang Binatang Hidup Dua Alam Syeikh Ahmad al-Fatani*, Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi, 1990, hlm. 33-60. Lihat juga H.W.M. Saghir Abdullah, *Al-'Allamah Syeikh Ahmad al-Fathani. Ahli Fikir Islam dan Dunia Melayu*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1992.

<sup>10</sup> Mohd. Yusoff bin Abd. Rahman, "Pelajaran Ugama dan Kemunculan Ulamak Kelantan", *Jebat*, No. 5/6, 1976/77, hlm. 97.

<sup>11</sup> Ketika berada Makkah, Tok Kenali menjalin hubungan yang erat dengan Shaykh Wan Ahmad Zain dan beliau amat disayangi oleh gurunya. Pada tahun 1903 setelah tujuh belas tahun menjadi anak muridnya, Tok Kenali telah dibawa oleh Shaykh Wan Ahmad melawat Syria dan Bait al-Maqdis sebelum pergi melawat Mesir (*Pengasoh*, Jilid. 16, No. 433, hlm. 8). Hubungan erat ini ternyata meninggalkan pengaruh yang besar kepada pemikiran agama dan politik Tok Kenali apabila beliau kembali ke Kelantan selepas kematian guru yang amat dihormatinya. Untuk sejarah ringkas riwayat hidup Tok Kenali lihat nota kaki 27 artikel ini.

## Masjid al-Haram dan Peranannya Dalam Perkembangan Intelektualisme Masyarakat Melayu

yang prolifik yang menghasilkan tulisannya sendiri dan menganotasi tulisan dalam bahasa Arab dan Melayu yang jumlahnya mencapai sekitar 160 tulisan semuanya. Tulisan Shaykh Wan Ahmad merangkumi pelbagai bidang ilmu pengetahuan termasuk dalam bidang perubatan, sejarah dan politik Islam.<sup>12</sup> Sebahagian daripada tulisannya dalam bidang ini masih lagi dicetak dan boleh didapati hingga ke hari ini kerana digunakan secara meluas sebagai teks pengajian agama dalam pendidikan Islam tradisional.<sup>13</sup>

Kemasyhuran Shaykh Wan Ahmad Zain juga turut disedari oleh seorang orientalis Belanda yang berada di Makkah pada waktu itu dengan berpura-pura menjadi seorang Islam iaitu Snouck Hurgronje.<sup>14</sup> Hurgronje menyifatkan Shaykh Wan Ahmad “seorang sarjana yang cemerlang” kerana keilmuan dan pengaruhnya.<sup>15</sup> Kedudukan Shaykh Wan Ahmad sebagai seorang ulama yang dihormati mewakili Alam Melayu juga turut diiktiraf oleh Daulah Uthmaniyyah apabila beliau diamanahkan oleh Sultan ‘Abdul Hamid II bagi menyelia percetakan Melayu di Makkah iaitu al-Matba‘ah al-Masriyyah al-Kā’nah apabila ia diwujudkan pada tahun 1884.<sup>16</sup>

Di samping ia berperanan sebagai pusat perkembangan pendidikan orang Melayu, pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 Makkah, ia juga muncul sebagai pusat perkembangan intelektualisme Melayu. Perkembangan ini turut disemarakkan oleh

<sup>12</sup> Md. Sidin Ahmad Ishak, *Malay Book Publishing*, hlm. 110.

<sup>13</sup> Lihat Virginia Matheson and M.B. Hooker, “Jawi Literature in Patani: The Maintenance of an Islamic Tradition”, *JMBRAS*, Vol. 61, Part 1, 1988, hlm. 28-30. Antara buku-buku yang masih diterbitkan termasuklah *Farīdat al-Farā‘id fi ‘ilm al-‘Aqā‘id, Abniyat al-Asmā’ Wa al-Afā‘al, Bahjat al-Muhtadin Wa Farhat al-Faṣāwa al-Faṭāniyyah dan I‘ānah*.

<sup>14</sup> Snouck Hurgronje adalah seorang orientalis Belanda yang pakar dalam bahasa Arab dan agama Islam. Beliau bertugas sebagai penasihat penjajah Belanda dalam hal ehwal Arab dan peribumi di Hindia Timur Belanda (Indonesia). Sebagai seorang yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini, nasihat yang diberikannya dijadikan asas kepada pembentukan dasar penjajah Belanda di Indonesia. Kerana ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang amalan ibadah Haji di Makkah yang dilakukan oleh Melayu, Hurgronje berpura-pura menjadi seorang Islam dengan menggunakan nama ‘Abd al-Ghaffūr dan memasuki kota Makkah pada 22 Januari 1885. Hasratnya untuk ikut serta dalam ibadah ini terbantut apabila terpaksa meninggalkan Makkah secara tergesa-gesa kerana didapati bersekongkol dalam satu komplot mencuri batu yang mempunyai unsur sejarah. Lihat Mohammad Redzuan Othman, “The Middle Eastern Influence on The Development of Religious and Political Thought in Malay Society,” Tesis Ph.D., University of Edinburgh, 1994, hlm. 22-23.

<sup>15</sup> C. Snouck Hurgronje, *Mekka in the Latter Part of the 19th Century*, Leiden: E.J. Brill, 1970, hlm. 286.

<sup>16</sup> *Ibid.*, hlm. 286.

kewujudan pusat-pusat percetakan yang mencetak buku-buku dalam bahasa Arab dan Melayu untuk kegunaan mereka iaitu al-Maṭba ‘ah al-Shayqiyah.<sup>17</sup> Pusat-pusat percetakan ini memainkan peranan penting dalam perkembangan intelektualisme Melayu kerana melalui kitab-kitab yang dicetak masyarakat Melayu terdedah kepada ilmu pengetahuan. Sambutan yang diberikan kepada kitab-kitab yang diterbitkan oleh pencetak-pencetak ini amat menggalakkan sehingga kitab merupakan sebahagian daripada barang dagangan yang mendapat pasaran meluas di seluruh Alam Melayu.<sup>18</sup>

Pendedahan kepada persekitaran keilmuan ini telah memberi kesan kepada pelajar-pelajar Melayu yang sedang menuntut di Makkah. Kesan ini dapat dilihat dengan jelas terutamanya pada dekad kedua abad ke-20 daripada reaksi yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar ini terhadap penerbitan akhbar-akhbar Melayu seperti *Tunas Melayu*, *Neracha*, *Idaran Zaman*, *Bahtra*, *Malaya* dan lain-lain. Pelajar-pelajar ini bukan sekadar pelanggan dan pembaca biasa kepada akhbar-akhbar yang diterbitkan ini, tetapi turut terlibat dalam menyumbangkan pandangan dan wawasan intelektual untuk tatapan keseluruhan pembacanya. Apabila akhbar *Tunas Melayu* yang diterbitkan pada tahun 1913 menerokai pemaparan gambar dalam edisinya, keharusan mencetak gambar untuk tatapan umum menjadi isu yang hangat dibincangkan. Polemiknya juga turut membabitkan pelajar-pelajar Melayu yang sedang menuntut di Makkah.<sup>19</sup>

Apabila akhbar *Pilehan Timoer* diterbitkan pada tahun 1927 oleh pelajar-pelajar Melayu yang belajar di Kaherah, pelajar-pelajar Melayu di Makkah merupakan antara mereka yang terawal mengalu-alukan penerbitannya. Mereka menyifatkan penerbitannya sebagai satu usaha murni bagi memajukan bangsa Melayu. Pada pandangan pelajar-pelajar di sini, usaha mereka yang menerbitkan *Pilehan Timoer* bagi menyebarkan ilmu pengetahuan samalah seperti usaha mengujudkan sebuah institusi pengajian tinggi, iaitu usaha yang dianggap hanya dilakukan secara bersungguh-sungguh oleh bangsa yang lebih maju.<sup>20</sup> Kepekaan yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar ini jelas memaparkan bahawa proses perkembangan intelektual yang memberansangkan telah berlaku di kalangan pelajar-pelajar yang sedang menuntut di

<sup>17</sup> Md. Sidin Ahmad Ishak, *Malay Book Publishing*, hlm. 111.

<sup>18</sup> C. Snouck Hurgronje, *Mekka*, hlm. 258.

<sup>19</sup> Walau bagaimanapun, polemik yang berlaku tidak berlanjutan apabila akhbar *Tunas Melayu* menerbitkan gambar Kaabah dalam edisi sulungnya sebagai membuktikan bahawa tidak semua gambar dianggap sebagai unsur berhalal yang ditegah penerbitannya oleh agama Islam. Penerbitan ini sebenarnya bertujuan bagi menjustifikasi penerbitan gambar sebagaimana yang dilakukan oleh akhbar tersebut. Lihat *Tunas Melayu*, Jilid 1, No. 1, 12 Februari 1913, hlm. 15.

<sup>20</sup> *Pilehan Timoer*, Jilid. 1, No. 2, November 1927, hlm. 23-24.

## Masjid al-Haram dan Peranannya Dalam Perkembangan Intelektualisme Masyarakat Melayu

Masjid al-Haram hasil pendedahan pembelajaran dan persekitaran yang mereka lalui ketika benih-benih kesedaran ini di kalangan masyarakat Melayu di tanah air masih belum tersebar dengan meluas.

Ilmu pengetahuan yang ditimba dan pendedahan yang diperolehi ketika belajar di Masjid al-Haram terbukti telah menjadi bekalan yang amat berguna kepada pelajar-pelajar Melayu ini apabila mereka kembali ke tanahair. Sebelum Perang Dunia II, lepasan Masjid al-Haram telah memainkan peranan penting dalam menyemai kesedaran agama, terutamanya melalui pengajaran dan pendidikan. Di Kelantan di mana pendidikan agama paling pesat berkembang sebahagian besar mereka yang terlibat dalam usaha ini mendapat pendidikan di Makkah. Disebabkan hubungan yang erat di antara Kelantan dengan Makkah sejak akhir abad ke-19 hingga meletus Perang Dunia II, negeri tersebut pernah terkenal sebagai Serambi Makkah.<sup>21</sup> Antara ulama terkenal di Kelantan yang menerima pendidikannya di Makkah sejak pertengahan abad ke-19 dan memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan di negeri tersebut termasuklah Tuan Tabal (1819-1891),<sup>22</sup> Haji Wan Ali bin Abdul Rahman Kutan (1837-1912)<sup>23</sup> dan Haji Yaakob bin Haji Abdul Halim.<sup>24</sup>

---

<sup>21</sup> Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hassan, “Approaches to Islamic Religious Teaching in the State of Kelantan Between 1860 and 1940”, *SARI*, Jilid. 1, No. 1, Januari 1983, hlm. 81; Zainul Abidin bin Abdullah, “Peranan Majlis Agama Dalam Pelajaran”, dlm. Khoo Kay Kim (sunt.), *Beberapa Aspek Warisan Kelantan II*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri, 1983, hlm. 99-100. Sebelumnya panggilan yang sama juga turut digunakan kepada Aceh apabila pelajar-pelajar dalam usaha mereka menuntut pengetahuan agama belajar dahulu di situ sebelum meneruskannya di Makkah.

<sup>22</sup> Tuan Tabal merupakan pengarang kepada beberapa buah kitab seperti *Minhatul Qarib*, Bab Harap, *Miryah al-Ahl, Jalā’ al-Qulūb, Munabbih al- Ghafīlīn, Kifāyah al-‘Awwām* dan *Bidāyah al-Ta’ālim*. Sebahagian kitab-kitab ini diterbitkan di Makkah. Lihat Ihsan Hardiwijaya Ibaga, “Ulama’ dan Sistem Pondok di Kelantan Abad Ke-19”, *Dian*, No. 120, Mei 1979, hlm. 22; Abdul Halim Ahmad, “Pendidikan Islam Di Kelantan”, dlm. Khoo Kay Kim (sunt.), *Sejarah Masyarakat Melayu Modern*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1984, hlm. 46-47.

<sup>23</sup> Haji Wan Ali bin ‘Abdul Rahmān al-Kelanfāñ (Haji Ali Kutan) dilahirkan pada tahun 1837. Beliau merupakan seorang ulama yang disegani yang mengajar di Masjid al-Haram. Haji Wan Ali mengarang beberapa buah kitab dan antara yang terkenal ialah *Jauhar Mawhūb* (1886), *Zahārah al-Marīd fī Aqā’id al-Tawhīd* (1890), *Lam’atul Awrād* (1881), *Majma’ al-Qasā’id* (1900). Haji Wan Ali meninggal dunia pada tahun 1912. Lihat Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hassan, “Approaches to Islamic Religious Teachings”, hlm. 82.

<sup>24</sup> Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, “Islam dan Masyarakat Kota Bharu di Antara Tahun 1900 - 1940”, dlm. Nik Abdul Aziz Nik Hassan (sunt.), *Islam di Kelantan*, Persatuan Sejarah Malaysia, 1983, hlm. 4.

Selain kehadiran ulama-ulama terkenal yang mendapat pendidikan di Makkah ini, Kelantan juga dikenali sebagai Serambi Makkah kerana di sini juga terdapat banyak institusi pengajian pondok yang diasaskan oleh ulama-ulama yang mendapat pendidikan di Masjid al-Haram yang memainkan peranan penting dalam perkembangan ilmu pengetahuan dalam masyarakat Melayu di negeri tersebut. Pondok yang pertama yang diwujudkan di Kelantan diasaskan pada sekitar tahun 1820 di Pulau Condong oleh Haji Abdul Samad Abdullah sekembalinya beliau dari Makkah setelah menamatkan pengajian di sana.<sup>25</sup> Pendidikan pondok yang paling terkenal di Kelantan pada akhir abad ke-19 ialah pengajian yang dijalankan di Masjid al-Muhammadi di Kota Bharu.<sup>26</sup> Pada awal abad ke-20, pendidikan di sini dikendalikan oleh seorang ulama terkenal yang mendapat pendidikan di Makkah iaitu Haji Muhammad Yusof bin Muhammad atau lebih dikenali sebagai Tok Kenali.<sup>27</sup> Salah

---

<sup>25</sup> Abdul Halim Ahmad, "Pendidikan Islam di Kelantan", hlm. 45.

<sup>26</sup> Hamdan Hassan, "Peranan Pendidikan Islam Masjid Muhammadi Kota Bharu Pada Permulaan Abad Ke-20 Masihi", dlm. Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusuf (sunt.). *Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya*, Kuala Lumpur: Siri Penerbitan Pengajian Melayu, Bil. 3, 1985, hlm. 150.

<sup>27</sup> Muhammad Yusof bin Muhammad atau lebih dikenali sebagai Tok Kenali, dilahirkan di Kampung Kenali, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1868. Beliau mendapat pendidikan awal di Kota Bharu sebelum meneruskan pengajian di Masjid al-Haram pada tahun 1886. Ketika belajar di Masjid al-Haram, Tok Kenali berguru dengan beberapa orang ulama terkenal seperti Shaykh Hasbullah (Muhammad bin Sulaiman), Sayyid Bakri, Shaykh Muhammad bin Yusuf al-Khayyat, Shaykh 'Abid Mufti al-Malikiyah, Shaykh Muhammad Amin Mardad Imam al-Hanafiyah, Shaykh Mukhtar Utārid dan Sayyid Abdullah bin Sayyid Muhammad Ṣalih al-Zawawi. Ulama-ulama ini merupakan ulama terkenal yang mengajar di Masjid al-Haram pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Guru-guru Tok Kenali yang lain termasuklah ulama-ulama terkenal dari Alam Melayu seperti Shaykh Wan Ahmad bin Muhammad Zain Mustafa al-Faṭāni, Shaykh Ahmad Khātib bin 'Abdul Latif al-Minangkabawi, Haji Wan Ali Kutan, Shaykh Muhammad bin Ismā'il Daud al-Faṭāni dan Haji Wan Daud bin Wan Muṣṭafa al-Faṭāni. Tok Kenali tinggal di Makkah selama 22 tahun dan semasa berada di sana beliau turut mengajar di Masjid al-Haram selama dua belas tahun. Tok Kenali kembali ke Kota Bharu pada 1908 dan mengasaskan pengajian pondok. Di samping sumbangannya dalam bidang pendidikan, Tok Kenali juga memberikan sumbangan yang besar kepada kegiatan keagamaan yang lain di Kelantan. Beliau merupakan anggota pengasas Majlis Agama Islam Kelantan dan anggota pengarang kepada majalah dwi-bulanan yang diterbitkan oleh jabatan tersebut iaitu majalah *Pengasoh*. Tok Kenali meninggal dunia pada 19 November 1933. Untuk huraiān tentang sejarah hidup Tok Kenali, lihat Abdullah al-Qari b. Haji Salleh, "To' Kenali: His Life and Influence", dlm. William R. Roff (sunt.), *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 87-100; Abdul Rahman al-Ahmadi, *Tokoh dan Pokok Pemikiran Tok Kenali*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1983.

## Masjid al-Haram dan Peranannya Dalam Perkembangan Intelektualisme Masyarakat Melayu

seorang murid Tok Kenali iaitu Shaykh Muhammad Idris al-Marbawi yang merupakan seorang penulis yang terkenal dan meneruskan pengajian di Makkah dan kemudiannya ke Kaherah setelah menamatkan pengajian asas di Masjid Muhammadi dengan berguru kepada Tok Kenali, pernah mengatakan bahawa ilmu pengetahuan guru-guru yang mengajar di situ adalah setanding dengan pengetahuan mereka yang mengajar di Masjid al-Haram.<sup>28</sup>

Di negeri jiran Kelantan iaitu Terengganu, pendidikan pondok telah dimulakan pada awal abad ke-18 oleh seorang ulama iaitu Shaykh 'Abdul Malik bin Abdullah (Tukku Pulau Manis).<sup>29</sup> Apabila memulakan institusi pendidikannya beliau menggunakan kaedah pengajaran di Masjid al-Haram sebagai model di mana pusat pengajaran berpusat di masjid.<sup>30</sup> Memandangkan pendidikan yang diperolehi oleh ulama-ulama yang mengasaskan pondok ini diperolehi di Makkah, ia terbukti amat mempengaruhi pola dan kaedah yang digunakan di pondok-pondok ini, walaupun terdapat sedikit penyesuaian daripada aspek fizikalnya bagi memenuhi keperluan tempatan.<sup>31</sup> Di samping pengaruh ini, pola dan cara pengajaran di pondok-pondok ini

<sup>28</sup> Abdul Rahman al-Ahmadi, *Tokoh dan Pokok*, hlm. 17. Untuk huraian lanjut tentang sejarah hidup dan sumbangan Shaykh Muhammad Idris al-Marbawi, lihat Mohammad Redzuan Othman, "The Middle Eastern Influence", hlm. 282 (notakaki 282). Untuk huraian perkara yang sama lihat juga Mahani Mokhtar, "Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi. Sejarah dan Sumbangannya di Dalam Bidang Penulisan", Tesis B.A., Universiti Malaya, 1989/90.

<sup>29</sup> Shafie Abu Bakar, "Latarbelakang Keagamaan di Terengganu", dlm. Abdullah Zakaria Ghazali (sunt.), *Trengganu Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1984, hlm. 14-15.

<sup>30</sup> Shafie Abu Bakar, "Syeikh 'Abdul Malik bin Abdullah dan Karangan-Karangannya", *Pesaka 11*, 1984, hlm. 71.

<sup>31</sup> Untuk huraian tentang aspek sejarah, fizikal dan kurikulum pendidikan pondok di Tanah Melayu dan juga ulama-ulama terkenal yang mengendalikannya, lihat Awang Had Salleh, "Institusi Pondok di Malaysia", dlm. Zainal Kling (sunt.) *Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1977, hlm. 33-49; Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh, "Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan", dlm. Nik Mohamed b. Nik Mohd. Salleh (sunt.), *Warisan Kelantan IV*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1985, hlm. 95-120; Shafie Abu Bakar, "Ke Arah Pembaikan", hlm. 24-44; Rahim Abdullah, "Pelajaran Pondok di Kelantan", dlm. Khoo Kay Kim (sunt.), *Beberapa Aspek Warisan Kelantan II*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1983, hlm. 1-20; Mohd. Yusoff bin Abd. Rahman, "Pelajaran Ugama", hlm. 96-106; Muhammad Uthman El-Muhammady, "Pondok Education as Indigenous Education", *Pendidikan Islam*, Jilid 1, No. 1, Januari 1984, hlm. 52-65; Robert L. Winzeler, "Traditional Islamic Schools in Kelantan", *JMBRAS*, Vol. XLVII, Part 1, 1975, hlm. 91-103; Abdul Latif Hamidong, "Institusi Pondok Dalam Tradisi Budaya Ilmu", Kertaskerja yang dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Mengenai Tamadun Melayu, pada 11-13 November 1986, Kuala Lumpur, hlm. 1-26; Abdul Rashid bin Haji Ahmad, "Kedudukan Pondok

juga didasarkan kepada yang terdapat di Masjid al-Haram bagi tujuan memudahkan para pelajar apabila meneruskan pengajian mereka di sana.

Dalam sistem pendidikan pondok para pelajarnya duduk dalam *halaqah* (bulatan) mengelilingi seorang guru sebagaimana pengajaran yang dilakukan di Masjid al-Haram.<sup>32</sup> Di sini pelajar-pelajar akan diajar nahu bahasa Arab dan kemudiannya diikuti dengan mata pelajaran agama yang lain.<sup>33</sup> Peringkat pengajian yang sedemikian iaitu mempelajari nahu bahasa Arab diikuti dengan matapelajaran agama yang lain merupakan pendekatan yang dilalui oleh sebahagian besar ulama, termasuk yang terdapat di Kota Bharu sebelum Perang Dunia II sebelum mereka meneruskan pengajian ke Masjid al-Haram.<sup>34</sup> Institusi pengajian pondok tidak hanya terdapat di Kelantan dan Terengganu, tetapi terdapat di hampir kesemua negeri Semenanjung Tanah Melayu kecuali di Negeri-Negeri Selat dan Johor.<sup>35</sup> Selain institusi pendidikan pondok, satu lagi bentuk pendidikan agama yang terdapat dalam masyarakat Melayu

---

Dalam Masyarakat di Kelantan,” Tesis B.A., Universiti Malaya, 1966. Sebuah kajian sosiologi tentang pelaksanaan pendidikan pondok, pengurusannya dan kesan sosial kewujudannya diuraikan oleh Robert L. Winzeler, “Malay Religion Society and Politics in Kelantan,” Tesis PhD., University of Chicago, Illinois, 1970, hlm. 126-130. Untuk huraihan tentang hubungan antara institusi pondok dengan masyarakat, lihat Shirley Gordon, “Pondok and Our Peasantry”, *Intisari*, Vol. II, No. 1, t.t. hlm. 32-33.

<sup>32</sup> Awang Had Salleh, “Institusi Pondok Di Malaysia”, hlm. 41. Pengajaran secara *halaqah* dilakukan di masjid dengan para pelajar duduk di sekeliling seorang guru yang menyampaikan pengajarannya. Tidak ada sukatan pelajaran atau peraturan yang khusus ditetapkan. Sesiapa sahaja yang berminat tanpa mengira usia boleh ikut serta dalam pengajian yang disampaikan. Lihat Jamal Alami, “Education in the Hijaz Under Turkish and Sharifian Rule”, *The Islamic Quarterly*, Vols. 1 & 2, January - June 1975, hlm. 42. Lihat juga A.L. Tibawi, “Origin and Character of *al-Madrasah*”, *Bulletin of the School of Oriental and African Studies* Vol. 25, 1962, hlm. 230.

<sup>33</sup> Pelajar-pelajar yang sebahagian besarnya berusia awal belasan tahun yang menghadiri *halaqah* ini biasanya diajar nahu bahasa Arab selama dua tahun. Seterusnya mereka diajar atas bahasa Arab dan ilmu agama yang lain dengan menggunakan buku-buku khusus sebagai rujukan. Sepanjang pengajian pelajar mendengar apa yang diajar dan cuba menghafalnya. Setelah menamatkan kedua-dua peringkat pengajian, pelajar-pelajar ini digalakkan supaya meneruskan pengajian mereka ke Masjid al-Haram Makkah.

<sup>34</sup> Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, “Islam dan Masyarakat Kota Bharu”, hlm. 12-13.

<sup>35</sup> M.A. Rauf, “Islamic Education”, *Intisari*, Vol. II, No. 1, t.t. hlm. 22. Banyak sekolah pondok yang didirikan di negeri-negeri ini diasaskan oleh bekas pelajar Tok Kenali. Ini termasuklah Pondok Ahmadiyyah di Bunut Payong, Kota Bharu, Madrasah Manabi’ al-Ulum wa Mata’i’ an-Nujum, Bukit Mertajam dan Madrasah al-Falah, Pulau Pisang, Kota Bharu (lihat Abdullah al-Qari b. Haji Salleh, “To’ Kenali: His Life and Influence”, hlm. 95-96).

## Masjid al-Haram dan Peranannya Dalam Perkembangan Intelektualisme Masyarakat Melayu

ialah pendidikan madrasah.<sup>36</sup> Institusi madrasah didasarkan kepada konsep yang secara relatifnya adalah moden jika dibandingkan dengan institusi pengajian pondok. Pengajaran di madrasah tidak dalam bentuk *halaqah* tetapi sebaliknya dibuat dalam kelas yang lengkap dengan jadual waktu dan pelajar duduk di atas kerusi dan meja digunakan untuk menulis. Mata pelajaran yang diajar pula tidak terbatas kepada mata pelajaran agama, tetapi turut merangkumi mata pelajaran bukan agama seperti Ilmu Kira-kira, Retorik, Ilmu Alam dan lain-lain. Pengajaran yang diberikan di madrasah bertujuan bagi memenuhi keperluan semasa dan ia mirip kepada pendidikan sekolah vernakular, kecuali orientasi agama yang lebih ditekankan.

Walau bagaimanapun, madrasah yang awal ditubuhkan di Tanah Melayu seperti Madrasah Masriyah di Pulau Pinang (diasaskan pada tahun 1906) dan Madrasah al-Iqbaliyah Islamiyah (dibuka pada tahun 1908), dipengaruhi oleh bentuk pendidikan yang terdapat di Universiti al-Azhar, bukan bentuk pendidikan yang terdapat di Masjid al-Haram. Meskipun institusi pendidikan madrasah di Tanah Melayu bersumber dari Mesir, namun banyak madrasah yang ditubuhkan menyesuaikan pengajaran mereka mengikut cara pendidikan yang terdapat di Makkah. Ini disebabkan pada waktu itu pendidikan di Masjid al-Haram lebih menarik minat pelajar, walaupun ketika Kaherah mula mendapat perhatian sebagai destinasi melanjutkan pengajian pada pertengahan tahun 1920-an.<sup>37</sup>

Pemilihan Masjid al-Haram sebagai pusat bagi melanjutkan pengajian oleh belia-belia Melayu adalah disebabkan Makkah sudah dianggap sebagai pusat pengajian agama yang ulung. Manakala yang lain pula memilih Makkah kerana masih kabur

<sup>36</sup> Institusi pendidikan madrasah merupakan institusi pendidikan yang diperkenalkan kepada masyarakat Melayu selepas institusi pengajian pondok. Dari segi sejarahnya institusi pendidikan yang berasaskan kepada konsep ini telah diwujudkan di Baghdad oleh Niżam al-Mulk, iaitu Wazir yang terkenal ketika pemerintahan Dinasti Seljuq (1055-1194). Institusi madrasah ini diwujudkan pada tahun 1065H dan dengan pesat berkembang ke seluruh dunia Islam. Lihat M.A. Rauf, "Islamic Education", hlm. 15. Lihat juga George Makdisi, "The College in Medieval Islam", dlm Roger M. Savory and Dionisius A. Agius (eds.), *Logos Islamikos: Studia Islamica in Honorem Georgis Michaelis Wickns*, Toronto: Political Institute of Mediaeval Studies, 1984, hlm. 241-257; George Makdisi, "Madrasah and University in the Middle Ages", *Studia Islamica*, Vol. 32, 1970, hlm. 255-264; Munir A. Ahmed, "Muslim Education Prior to the Establishment of Madrasah", *Islamic Studies*, Vol. 26, No. 4, 1987, hlm. 321-349; Gary Leiser, "Notes on the Madrasa in Medieval Islamic Society", *The Moslem World*, Vol. LXXXVI, No. 1, January 1986, hlm. 16-23.

<sup>37</sup> Untuk perbincangan danuraian tentang pelajar-pelajar Melayu di Kaherah pada tahun 1920-an, lihat William R. Roff, "Indonesian and Malayan Students in Cairo in the 1920s", *Indonesia*, No. 9, April, 1970. Lihat juga Mohammad Reduan Othman, "Call of the Azhar: The Malay Student Sojourn in Cairo Before World War II", *Sejarah*, No. 3/1994-1995, hlm. 95-110.

dengan bentuk pendidikan yang diberikan di Universiti al-Azhar. Di samping itu terdapat juga salah faham terhadap perkembangan politik yang sedang berlaku di Mesir yang dikhawatir oleh ibu bapa boleh merosakkan pemikiran anak-anak mereka.

Salah sebuah madrasah yang menyesuaikan pengajarannya mengikut pendidikan yang terdapat di Masjid al-Haram ialah Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar. Apabila madrasah ini diwujudkan pada tahun 1926, Sultan Perak pada waktu itu iaitu Sultan Iskandar, bersetuju mengundang Haji Muhammad Salleh dari Kelantan yang pernah tinggal lama di Makkah untuk menjadi mudirnya yang pertama. Perlantikannya bertujuan bagi menyelaraskan pengajaran di madrasah tersebut dengan pengajaran yang terdapat di Masjid al-Haram.<sup>38</sup> Berikutan kematian Haji Muhammad Salleh pada tahun 1928, Shaykh Abdullah Maghrabi, iaitu bekas mudir Madrasah al-Mashhor di Pulau Pinang telah dilantik menjadi mudirnya yang baru.<sup>39</sup> Sebaik sahaja dilantik menjadi mudir Shaykh Abdullah juga telah mengambil initiatif melaksanakan pendekatan yang menyelaraskan kaedah pengajaran di madrasah tersebut berdasarkan pengalaman beliau ketika menjadi pelajar di Makkah.<sup>40</sup>

Pada akhir tahun 1920-an dan awal tahun 1930-an lebih banyak madrasah diwujudkan di Tanah Melayu dan malahan sesetengah institusi pengajian pondok turut melaksanakan pengajaran yang lebih sistematik seperti yang terdapat dalam sistem pengajian di madrasah. Memandangkan semakin ramai pelajar yang telah menjalani pendidikan yang sistematik ketika berada di tanahair menyebabkan wujudnya

<sup>38</sup> Zulkiflee A. Karim, "Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar Perak 1922 - 1987: Satu Tinjauan Sejarah Perkembangannya", Tesis B.A., Universiti Malaya, 1987/88, hlm. 42-43.

<sup>39</sup> Shaykh Abdullah al-Maghribi dilahirkan pada tahun 1894 di Tripoli, Libya. Beliau mendapat pendidikan awal di Makkah sebelum datang ke Tanah Melayu pada tahun 1918 atas jemputan Sayyid Shaykh al-Hadi. Pada tahun 1919 berikutan perletakan jawatan al-Sayyid Shaykh sebagai mudir Madrasah al-Mashhor, Shaykh Abdullah telah dilantik menjadi mudirnya yang baru. Shaykh Abdullah kemudiannya menjadi mudir Madrasah Idrisiah, tetapi tempoh perkhidmatannya berakhir apabila beliau dikehendaki meninggalkan negeri Perak berikutan tercetusnya kontroversi berkaitan dengan kecenderungannya menyokong idea Kaum Muda. Beliau kemudiannya kembali ke Pulau Pinang dan mengasaskan Madrasah al-Huda dan menjadi anggota lembaga pengarah akhbar *Saudara*. Shaykh Abdullah juga merupakan seorang aktivis masyarakat apabila menjadi salah seorang penggerak utama PASPAM. Selepas Perang Dunia II beliau kembali semula ke Arab Saudi dan mengajar di Madrasah al-Rida, Jeddah. Shaykh Abdullah al-Maghribi meninggal dunia di Makkah pada tahun 1974. Untuk huraian tentang sejarah hidupnya, lihat Md. Redzuan Tumin, "Al-Ustaz Haji Mohd. Ismail bin Salleh. Satu Kajian Biografi", Tesis M.A., Universiti Malaya, 1988, hlm. 27; Mohd. Sarim Haji Mustajab, "Syed Syeikh Abdullah Maghrabi: Pendidik dan Kaum Muda", *Jebat*, No. 5/6, 1975/76, hlm. 1-6; *Bumiputra*, 5 Januari 1935, hlm. 3, 37 & 38.

<sup>40</sup> Zulkiflee A. Karim, "Madrasah Idrisiah Bukit Chandan", hlm. 44.

## Masjid al-Haram dan Peranannya Dalam Perkembangan Intelektualisme Masyarakat Melayu

keperluan yang mendesak supaya satu bentuk sistem pengajian yang lebih tersusun wujud apabila pelajar-pelajar ini melanjutkan pengajian di Makkah. Pengajian cara halaqah yang dijalankan di Masjid al-Haram yang lebih berbentuk pendidikan tidak formal hanya sesuai bagi mereka yang ingin mendalami ilmu-ilmu keagamaan yang lebih khusus dan sudah mempunyai asas pendidikan agama yang kukuh. Berikutan meningkatnya kesedaran terhadap kepentingan pendidikan, pengangkutan yang semakin mudah dan kenaikan harga getah menyebabkan berlakunya pertambahan yang mendadak belia-belia Melayu pergi ke Makkah bagi menunaikan ibadah haji dan melanjutkan pengajian.<sup>41</sup> Ramai di kalangan mereka ini mendapati bahawa pengajian berbentuk *halaqah* yang dijalankan di Masjid al-Haram tidak banyak membantu hasrat mereka untuk menimba ilmu pengetahuan kerana belum terdedah kepada pengajaran yang sepenuhnya dijalankan dalam bahasa Arab. Di samping itu pengetahuan ilmu agama yang masih terbatas menyebabkan mereka menghadapi kesukaran mengikuti pelajaran yang disampaikan.

Terdapat juga di kalangan pelajar-pelajar ini yang lebih berminat mengikuti persekitaran persekolahan yang lebih sistematik seperti yang ditawarkan oleh pengajian madrasah dengan pendekatannya lebih berkesan dan pemberian gred kepada ilmu yang dipelajari. Bagi pelajar Melayu yang meminati pengajian cara ini mereka memasuki Madrasah Salatiyyah al-Hindiyah yang terletak di Jirwal tidak jauh dari Masjid al-Haram yang diwujudkan oleh pendidik dari benua kecil India.<sup>42</sup>

<sup>41</sup> Sebagai contoh bagi tempoh antara tahun 1924 hingga tahun 1925, Annual Pilgrimage Report yang disediakan oleh Malayan Colonial Officers menunjukkan peningkatan jumlah orang Melayu yang memutuskan untuk tinggal lebih lama atau terus menetap di Makkah. Banci kasar untuk tahun 1933 menunjukkan bahawa terdapat sekitar 500 orang Melayu yang menjadi "penduduk tetap" Makkah. Walaupun sebahagiannya kembali ke Tanah Melayu atas pembiayaan kerajaan British kerana menghadapi kesukaran hidup di Makkah, namun masih ramai yang memutuskan untuk terus menetap di Hijaz. Lihat William R. Roff, "The Conduct of Hajj From Malaya and the First Malay Pilgrimage Officer", *SARI*, No. 1, 1975, him. 108.

<sup>42</sup> Tidak banyak maklumat yang boleh didapati tentang Madrasah Salatiyyah al-Hindiyah, tetapi kemungkinan besar ianya diwujudkan pada dekad pertama abad ke-20. Terdapat kemungkinan madrasah ini adalah madrasah yang dimaksudkan oleh Muhammad Labib al-Batainî yang mengiringi Kedif Mesir iaitu Abbas II ketika menunaikan ibadah haji empat tahun sebelum meletusnya Perang Dunia II. Dalam laporannya yang tidak tersusun berjudul *ar-Rihlah al-Hijâziyah*, beliau menyentuh tanpa banyak huraian tentang terdapat dua buah madrasah persendirian tidak jauh dari Masjid al-Haram dan salah satu daripadanya dikendalikan oleh seorang yang berasal dari India. Lihat Jamal Alami, "Education in the Hijaz Under Turkish and Sharifian Rule", *The Islamic Quarterly*, Vols. 1 & 2, January-June 1975, him. 45. Untuk maklumat tentang pelajar-pelajar Melayu yang pernah belajar di madrasah Dar al-Ulum ini, lihat mereka yang ditemubual oleh Sabri Haji Said, *Madrasah al-'Ulûm al-Syar'iyyah Perak 1937-1977*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983, him. 128-141.

Memandangkan terdapatnya permintaan supaya diwujudkan sebuah madrasah yang berasingan dan asrama bagi pelajar-pelajar dari Alam Melayu, pada tahun 1933, Haji Abdul Majid Zainuddin iaitu Pegawai Haji yang dilantik oleh British di Jeddah telah mengadap Sultan ‘Abd al-‘Aziz Ibn Sa‘ud bagi menyuarakan hasrat ini.<sup>43</sup>

Usaha yang dilakukan oleh Haji Abdul Majid membawa kepada pengasasan Madrasah Dār al-‘Ulūm al-Dīniyah pada tahun 1935. Apabila madrasah ini diwujudkan, bangunan asalnya terletak di Shuaib Ali, tidak berapa jauh dari Masjid al-Haram. Bangunan untuk madrasah ini diwakafkan oleh Toh Puan Sharifah iaitu isteri kepada Dato’ Panglima Kinta.<sup>44</sup> Mudir pertama madrasah Dār al-‘Ulūm ialah Shaykh Zubir bin Ahmad.<sup>45</sup> Shaykh Zubir menjadi mudir madrasah ini sehingga tahun 1940. Tempat beliau kemudiannya diambil oleh Shaykh Ahmad Mansūri (1940-1946) dan diikuti oleh Shaykh Muhammad Yāssin al-Padānī (1946-1990).<sup>46</sup>

Sambutan yang diberikan oleh para pelajar terhadap madrasah ini begitu menggalakkan. Pada tahun 1936 dilaporkan bahawa pelajarnya meningkat daripada seratus kepada empat ratus orang. Disebabkan keperluan yang mendesak kepada rancangan pengembangan madrasah ini, sebuah jawatankuasa pembangunan telah dibentuk bagi membantu usaha tersebut. Dalam usaha mendapatkan bantuan kewangan, jawatankuasa ini telah memutuskan supaya wakil dihantar ke Tanah Melayu dan Indonesia bagi memungut derma untuk tujuan menampung perbelanjaan membina bilik darjah dan asrama.<sup>47</sup>

---

<sup>43</sup> Lihat William R. Roff, “The Conduct of the Hajj From Malaya”, hlm. 108.

<sup>44</sup> Amalan mewakafkan bangunan untuk tujuan keagamaan merupakan satu amalan yang meluas diamalkan oleh pembesar-pembesar Melayu. Sultan Kelantan, Sultan Muhammad 1 (1800-1835), anak sulung Long Yunus, iaitu pengasas kepada kesultanan Kelantan pernah mewakafkan rumah di Makkah, Madinah dan Jeddah. Baginda berbuat demikian untuk memberikan kemudahan kepada mereka yang pergi ke Makkah bagi menunaikan ibadah Haji setelah diusulkan oleh seorang ulama Kelantan yang terkenal iaitu Shaykh Abdul Halim. Lihat Ihsan Hadiwijaya Ibaga, “Ulama dan Sistem Pondok di Kelantan”, hlm. 20-21; Abdul Halim Ahmad, “Pendidikan Islam di Kelantan”, hlm. 40-41.

<sup>45</sup> Shaykh Zubir Ahmad pergi ke Makkah pada tahun 1922 setelah menamatkan pengajiannya di Madrasah al-Mashhor Pulau Pinang.

<sup>46</sup> Lihat Prof. Dr. Azyumardi Azra, *Menuju Masyarakat Madani: Gagasan Fakta dan Tantangan*, Bandung: Pt Remaja Rosdakarya, 1999, hlm. 52.

<sup>47</sup> B.A.T 1333/1936, “Annual Report on the Malayan Pilgrimage for the Year 1936”, Secretary to High Commissioner for the Malay States, 5 November 1936; FO 371/20055. “Report on the Pilgrimage 1936”, 25 August 1936.

Kelas-kelas di Madrasah Dār al-‘Ulūm al-Dīniyah dibahagikan kepada empat peringkat iaitu peringkat asas (*tahdīrī*), rendah (*ibtidā’ī*), menengah (*thanawī*) dan menengah tinggi (*‘Aliyy*). Setiap peringkat pengajian ini mengambil masa selama tiga tahun. Selain menggunakan bahasa Arab, bahasa Melayu juga turut digunakan di madrasah ini sebagai bahasa pengantar, terutamanya dalam kelas asas. Di bawah kepimpinan Shaykh Zubīr, madrasah ini berjaya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar-pelajar Melayu yang pergi ke Makkah bagi melanjutkan pengajian. Pada akhir tahun 1930-an hingga awal tahun 1960-an selain Madrasah Salatiyyah sebahagian besar pelajar Melayu yang belajar di Makkah merupakan mereka yang pernah belajar di Madrasah Dār al-‘Ulūm.

Ramai di kalangan lepasan Madrasah Dār al-‘Ulūm ini apabila kembali ke tanahair memainkan peranan penting mengasaskan institusi pengajian yang menjadikan kurikulum madrasah ini sebagai model. Salah sebuah madrasah yang menggunakan kurikulum Dār al-‘Ulūm ialah Madrasah al-Khairiyah al-Islāmiyah, Pokok Sena.<sup>48</sup> Madrasah-madrasah lain yang juga menggunakan pendekatan yang sama termasuklah Madrasah al-Islāh al-Dīniyah, Matang Kunda (diasaskan pada tahun 1935) dan Madrasah al-‘Ulūm al-Syārī‘ah, Batu 20, Bagan Datoh (diasaskan pada tahun 1937).<sup>49</sup>

Masjid al-Haram telah melahirkan ramai ulama yang telah memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan dan intelektualisme masyarakat Melayu. Peranan penting yang mereka mainkan ini turut menjadi perhatian kajian yang dibuat oleh R.A. Blasdell dari London Missionary Society. Blasdell berminat mengkaji tentang amalan dan persepsi Islam di kalangan masyarakat Melayu pada awal tahun 1940-an dengan tujuan untuk mencari ruang kepada penyebaran agama Kristian. Dalam pengamatannya, Blasdell merujuk kepada satu kes seorang belia Melayu yang pergi menuaikan ibadah haji ke Makkah, tinggal di sana selama beberapa tahun dan menjadi seorang ulama yang mahir dalam bahasa Arab dan agama Islam. Sebaik sahaja kembali ke Tanah Melayu beliau mengusahakan penubuhan sebuah institusi pengajian bagi meningkatkan kefahaman Islam dalam masyarakat.<sup>50</sup> Menurut Blasdell, institusi pengajian yang diwujudkan berjaya menarik ramai pelajar yang berusia sekitar

<sup>48</sup> Lihat Halim bin Man, “Madrasah Khairiyah al-Islamiyah Pokok Sena”, dlm. Khoo Kay Kim & Mohd. Fadhil Othman (sunt.), *Pendidikan di Malaysia Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 110.

<sup>49</sup> Walaupun pengasas madrasah-madrasah ini iaitu Haji Muhammad Arshad, yang pulang dari Makkah pada tahun 1918 setelah menamatkan pengajiannya di sana bukan merupakan pengasas atau bekas pelajar Dār al-‘Ulūm tetapi beliau adalah rakan seangkatan dengan Shaykh Zubīr Ahmad di Makkah dan malahan kedua-duanya merupakan sahabat karib.

<sup>50</sup> R.A. Blasdell, “Islam in Malaya”, *International Review of Missions*, Vol. XXXIV, 1945, hlm. 169.

lapan belas tahun mengikuti pengajian yang diadakan. Beliau tanpa ragu-ragu percaya bahawa pengajaran agama yang diberikan akan meningkatkan lagi kefahaman Islam dan intelektualisme dalam masyarakat.<sup>51</sup> Walaupun sebagai seorang asing yang jauh daripada bersimpati dengan Islam, pandangan Blasdell jelas menunjukkan peranan penting yang dimainkan oleh para lulusan Masjid al-Haram dalam bidang pendidikan dan menyemaikan kesedaran intelektual di kalangan masyarakat Melayu terutamanya pada peringkat awal.

---

<sup>51</sup> *Ibid.*, hlm. 169.